

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)38

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

38. Nyatakan data kanak-kanak berkeperluan khas di negeri dalam 10 tahun terakhir, mengikut kategori penyakit dan umur.
- (a) Berapakah jumlah kanak-kanak yang mengalami gangguan bahasa berbanding dengan jumlah pakar terapi bahasa di hospital kerajaan dan berapa lamakah masa purata menunggu rawatan?
 - (b) Apakah usaha kerajaan untuk menangani isu ini?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

38. Data kanak-kanak berkeperluan khas di Negeri Pulau Pinang menunjukkan trend menaik iaitu daripada **4,547 kanak-kanak pada tahun 2021 meningkat kepada 6,165 kanak-kanak pada tahun 2025** (Setakat Mei 2025) dan perincian data tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.
- (a) Jumlah kanak-kanak yang mengalami gangguan bahasa / pertuturan di hospital kerajaan di Pulau Pinang pada tahun

2024 ialah seramai 6781 orang kanak-kanak manakala jumlah terapis pertuturan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) ialah seramai 7 orang. Purata masa menunggu rawatan untuk tahun 2024 adalah 205 hari.

- (b) Antara usaha dari Jabatan Pediatrik, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang adalah dengan melatih ibu bapa agar rawatan dapat diteruskan secara sendiri. Pelbagai bengkel dan latihan dianjurkan oleh Jabatan ini dalam melatih ibu bapa agar mereka dapat membantu dalam rawatan anak-anak ini.

Usaha ini juga adalah bagi mengurangkan masalah menunggu rawatan yang lama ini. Permohonan penambahan perjawatan bagi terapis pertuturan di Pulau Pinang telah dimohon dan dibangkitkan beberapa kali di peringkat Kementerian namun maklum balas yang diterima adalah tiada penambahan perjawatan yang diberikan buat masa sekarang. Selain itu, Jabatan ini juga turut mengusulkan agar kerjasama dengan hospital

swasta dapat dijalankan supaya masa menunggu rawatan dapat dikurangkan.